

TEKS UCAPAN
YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
PROGRAM LITERASI ANTIBULI
PADA 27 JUN 2026
WESTIN DESARU CONVENTION CENTRE, Pengerang

SALUTASI (*akan diberi secara asing*)

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian.

Pengkuatkuasaan Akta Antibuli 2026.

1. Di kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada seluruh warga **BHEUU JPM** yang telah bertungkus-lumus mengemudi penggubalan Akta Antibuli, kemudian implementasi Akta ini sehinggalah tertubuhnya Tribunal bagi Antibuli. Terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pertahanan, SUHAKAM, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak, Akademi Perundangan Negara (APN) serta semua agensi kerajaan dan rakan strategik yang memberikan sokongan. Kebersamaan tuan-tuan dan puan-puan adalah bukti nyata komitmen kita dalam melindungi masa depan anak-anak bangsa.
2. Dengan penuh rasa syukur, saya ingin maklumkan bahawa **Akta Antibuli 2026 [Akta 876]** dan juga **Tribunal bagi Antibuli** kini telah secara rasminya berkuat kuasa mulai **16 Jun 2026 yang lalu**. Ini merupakan satu detik bersejarah bagi negara kita, kerana kita berjaya melaksanakan janji kita kepada generasi anak-anak

kita, bahawa mereka tidak lagi akan dibiarkan menderita dalam diam, tanpa suara, dan tanpa perlindungan.

3. Saya ingin menyatakan bahawa Akta Antibuli adalah “Akta Rakyat”, di mana penggubalan Akta ini diterajui oleh satu negara. BHEUU, JPM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan agensi lain telah turun ke seluruh negara melalui 12 sesi *Town Hall* yang melibatkan hampir 3,000 pemegang taruh, terdiri daripada guru, ibu bapa, pakar profesional, hinggalah kepada anak-anak kita sendiri. **Masyarakat kita mahukan standard nasional yang tegas untuk hentikan budaya buli dan jadikan generasi tanpa buli.**
4. Kita didorong oleh data-data yang membimbangkan. **Lebih 14,000 kes buli dilaporkan setiap tahun di sekolah.** Data KKM dan PDRM jelas menunjukkan **risiko trauma, kemurungan, malah kecenderungan mencederakan diri** dalam kalangan mangsa yang majoritinya adalah kanak-kanak. Kita juga sedar akan cabaran sistemik masa lalu, di mana kes sivil buli boleh memakan masa sehingga sembilan tahun untuk diselesaikan di mahkamah. **Realiti mangsa buli memerlukan keadilan yang cepat, efektif, dan responsif.**
5. Hadirin yang dihormati sekalian, sebelum ini, semua undang-undang berkaitan buli di negara kita adalah berlandaskan konsep jenayah semata-mata. Kita sebenarnya sudah mempunyai peruntukan di bawah **Kanun Keseksaan [Akta 574]**, terdapat lebih daripada 10 peruntukan yang sering dikaitkan bagi kes buli fizikal, lisan, dan psikologi. Ini termasuklah **Seksyen 323** berkaitan mendatangkan kecederaan, **Seksyen 350 hingga 352** mengenai

serangan dan kekerasan jenayah (*assault*), **Seksyen 354** berhubung mencabul kehormatan, **Seksyen 506** mengenai ugutan jenayah, serta **Seksyen 509** berhubung perkataan atau isyarat yang dimaksudkan mengaibkan kehormatan seseorang.

6. **Namun, pendekatan menghukum menerusi laras jenayah sedia ada ini didapati belum cukup memadai.** Kita memerlukan satu pendekatan yang jauh lebih holistik bagi menangani kes buli di Malaysia.

Tribunal bagi Antibuli

7. Oleh itu, **Akta 876 ini digubal khusus dengan berteraskan pendekatan restoratif (*restorative approach*), dimana fokus utama kita adalah untuk memberikan pemulihan dan perlindungan yang sewajarnya kepada mangsa,** di samping menyeragamkan mekanisme pengendalian kes buli di seluruh negara supaya tidak lagi wujud pertindihan atau keciciran.
8. Di bawah Akta 876, **Tribunal bagi Antibuli** kini rasmi beroperasi sebagai badan *quasi-judicial* berbidang kuasa sivil yang menawarkan penyelesaian holistik. Diterajui oleh **Puan Nurul Husna binti Awang sebagai Presiden** dan **Dr. Gan Chee Keong sebagai Timbalan Presiden**, Tribunal ini direka khusus untuk menjadi institusi yang mesra kanak-kanak, ringkas, dan bebas daripada birokrasi mahkamah biasa.
9. Keanggotaannya dibentuk secara inklusif melalui pelantikan **56 orang anggota panel** merentasi pakar undang-undang, psikologi, dan kesihatan mental. Menariknya, hampir separuh daripada mereka adalah wanita bagi menyuntik elemen sokongan keibuan

(*maternal support*) serta kepekaan tinggi dalam mengendalikan trauma mangsa

10. Sebagai **laluan kedua (*second path*)**, Tribunal ini akan mendengar aduan sekiranya:
 - a. Aduan peringkat sekolah didakwa gagal diuruskan dengan sewajarnya;
 - b. Kes dirujuk secara terus oleh Jawatankuasa institusi itu sendiri; atau
 - c. Insiden berlaku di luar kawalan institusi pendidikan, seperti melibatkan anak-anak yang tidak bersekolah.

Akses Keadilan Tanpa Sempadan & Pengurusan Berimpak

11. Dikuatkuasakan bersama Peraturan Antibuli 2026, tatakelola Tribunal ini diperkukuh melalui pelancaran sistem aduan digital yang prihatin dan mesra mangsa. Setakat ini, beberapa aduan awal telah pun diterima, ini menjadi bukti jelas bahawa mekanisme ini amat dinantikan oleh rakyat.
12. Tribunal ini sedia bergerak ke seluruh negara demi mendekati mangsa, sama ada bersidang di premis sekolah, pejabat Jabatan Bantuan Guaman (JBG), mahupun secara dalam talian (*online proceedings*) untuk meminimalkan tekanan emosi mangsa.
13. Perintah atau *award* yang dikeluarkan oleh Tribunal ini adalah **mengikat secara undang-undang**. Kita bukan sahaja berkuasa mengarahkan permohonan maaf atau pampasan, malah yang paling utama, kita mewajibkan pelaku menghadiri program pemulihan tingkah laku bagi memutus rantai keganasan terus dari akarnya.

14. Bagi memastikan reformasi ini difahami sepenuhnya, hari ini, **27 Jun 2026**, kita mengorak langkah ke hadapan melalui **Program Literasi Antibuli** khusus buat para pendidik. Program strategik ini membawa lima agenda besar:
- a. Meningkatkan kefahaman guru tentang aspek perundangan Akta 876;
 - b. Mendedahkan bentuk-bentuk buli dan implikasi buruknya terhadap murid;
 - c. Memperkenalkan fungsi serta tatacara rujukan kes ke peringkat Tribunal;
 - d. Memperkukuh peranan guru sebagai pengesan dan pelapor utama yang berhemah; dan
 - e. Membina jaringan kerjasama antara sekolah, kementerian, dan agensi penguatkuasaan.
15. Namun, saya perlu ingatkan hadirin sekalian, biarpun Tribunal sedia bertindak, institusi pendidikan tetap merupakan **benteng pertahanan pertama (*first line of defense*)**. Pihak sekolah wajib tangkas, tegas, dan telus menyelesaikan isu di peringkat akar umbi terlebih dahulu.
16. Sebagai permulaan, fasa pertama ini memberi tumpuan penuh kepada golongan berusia 18 tahun ke bawah, sebelum kerajaan mengkaji keperluan meluasannya kepada golongan dewasa pada fasa yang berikutnya.

Penutup

17. Sambil kita menutup tirai program hari ini, saya ingin mengingatkan kita semua bahawa undang-undang dan kewujudan Tribunal ini tidak akan mampu mencapai matlamatnya secara mutlak tanpa keterlibatan aktif masyarakat.
18. Perubahan sebenar bermula daripada kepekaan komuniti untuk menolak budaya menjadi pemerhati yang membisu (*by-stander*). Sikap “jangan tepi kain orang” atau menganggap buli sebagai adat pembesaran mesti dikikis. Kita semua memikul amanah yang besar untuk melindungi lebih 9 juta anak-anak kita agar mereka dapat belajar, membesar, dan membina impian dalam suasana yang selamat.
19. Sebelum saya menutup program ini, saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada seluruh warga **BHEUU JPM** yang telah bertungkus-lumus mengemudi implementasi Akta serta menjayakan penubuhan Tribunal ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan di KPM, SUHAKAM, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC), APN, serta semua agensi dan kementerian yang sentiasa berdiri teguh memberikan sokongan
20. Kebersamaan ini adalah manifestasi komitmen kita bahawa Malaysia tidak akan sesekali bertolak ansur dengan buli!
21. Sehubungan itu, saya menyeru agar program advokasi dan siri jerayawara seperti ini terus dijalankan di seluruh negara demi kebaikan generasi akan datang. Undang-undang sudah kita wartakan, institusi Tribunal sudah kita luncurkan. Kini, masanya untuk kita bertindak bersama. Biarlah hari ini menjadi titik penolak budaya buli di Malaysia. **#GenerasiTanpaBuli** bermula sekarang!

Sekian, terima kasih. Wabilahitaufig Walhidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.